



جانبين اكلام اسلام نكري جوهر


JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,
Tingkat 3 & 4, Blok B,
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru, Johor .



No. Tel : 07-2282928/30/32/33/55
Fax : 07-2233178
Website : <http://www.johordt.gov.my/jaj>
Emel : bpaj@johor.gov.my

Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami
apabila menjawab

Ruj. Kami : JAJ.PEND.010/120/1 JLD 3 (52)
Tarikh : 29 Februari 2016
30 Jammaldilawal 1437H

 **PENOLONG PENGARAH, UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
PENOLONG PENGARAH, UNIT PENGURUSAN SEKOLAH
PENOLONG PENGARAH, UNIT PENGURUSAN AKADEMIK
PENOLONG PENGARAH, UNIT PENGURUSAN PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
KETUA, JEMAAH NAZIR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

MAKLUMAN PEKELILING AM BIL. 1/2016
PROTOKOL BENDERA JOHOR DAN BENDERA DAERAH-DAERAH JOHOR

Dengan segala hormatnya, surat no.rujukan JAJ.KP.010/103/1JLD 2(42) bertarikh 29 Februari 2016 adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Protokol Bendera Johor Dan Bendera Daerah-Daerah Johor** untuk makluman tuan dan mohon panjangkan makluman ini kepada semua anggota pegawai di bawah pentadbiran masing-masing.

Sekian, terima kasih .

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah;

(HJ MOHD NASIR BIN HJ AMIR)
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam,
Jabatan Agama Islam Negeri Johor.



SETIAUSAHA KERAJAAN
ARAS 3, BANGUNAN DAT
KOTA ISKANDAR, 79503 I

SEGERA

lefon : 07-266 6116/
07-290 8222
iks : 07-290 8111/
07-290 9888

Laman web: www.johordt.gov.my

Sila nyatakan rujukan bilangan kami
apabila menjawab.

Bil. (21) dlm. SUKJ. 100-2/1/7

1 Februari 2016

Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan
Pihak Berkuasa Tempatan

YB Dato' / Tuan,

PEKELILING AM BIL. 1/2016

PROTOKOL BENDERA JOHOR DAN BENDERA DAERAH-DAERAH JOHOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor
di mesyuaratnya pada 16 Disember 2015 bil. SUKJ 100-2/1/7 **TELAH BERSETUJU**
bahawa :

- i) Peraturan dan Susunan Bendera sebagaimana dibuktikan dalam
perenggan 1 hingga 8 dalam Kertas Mesyuarat. Peraturan ini
sebagaimana Pekeliling Am Bil. 1/2016 berkuatkuasa **serta merta**.
- ii) Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Daerah dijadikan
Badan Penguatkuasaan Peraturan Protokol Bendera Johor dan
Bendera Daerah-Daerah Johor.

3. Majlis **JUGA BERSETUJU** dengan berkuatkuasa Pekeliling Am ini,
Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 2/2013 Protokol Pengibaratan Bendera
adalah terbatal.

4. Majlis **SETERUSNYA BERSETUJU** supaya satu Bendera Johor bersalz besar
dipasang di setiap daerah. Bagi tujuan ini, setiap Pejabat Daerah hendaklah
mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk peletakkan bendera tersebut sebagai
satu usaha memupuk semangat muafakat dan kesepakatan rakyat bangsa
Johor.

5. Bersama-sama ini dilampirkan salinan Pekeliling Am Bil. 1/2016 Protokol
Bendera Johor Dan Bendera Daerah-Daerah Johor.

Sekian untuk tindakan YB Dato' / Tuan selanjutnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM)
Setiausaha Kerajaan Johor

MAAU/anna

HAJI MUJI BIN SALIMON
Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

28/1/16



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

**PROTOKOL BENDERA JOHOR DAN
BENDERA DAERAH-DAERAH JOHOR**



1. TUJUAN


- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menetapkan garis panduan serta memberi kefahaman tentang protokol dan etika pengibaran bendera kepada kerajaan dan orang awam. Peraturan ini juga diharap akan membantu meningkatkan semangat patriotik rakyat serta memperkasa kedaulatan Negeri Johor


2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bersempena dengan Hari Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada 23 Mac 2015, daerah-daerah di Negeri Johor telah diperkenankan untuk diwujudkan bendera-bendera daerah.
- 2.2 Kerajaan Negeri dalam tindakan mengemukakan permohonan perwartaan dalam Warta Kerajaan Negeri bagi setiap bendera daerah bagi maksud penyeragaman dan pentauliahkan di peringkat Negeri dan juga Persekutuan.

- 2.3 Berikut adalah susunan kekananan bagi daerah-daerah di Negeri Johor sebagaimana dalam Enakmen Cogan dan Bendera Negeri 1921, dimana aturan ini termaktub kepada kedudukan Pegawai-pegawai Daerah dalam susunan kekananan dalam majlis rasmi Kerajaan dan juga kekananan bendera dan gegantungnya. Dikemukakan bersekali lukisan grafik bendera dan gegantung sebagaimana Lampiran.

Bil	Daerah	Bendera	Gegantung	Lukisan Grafik
2.3.1	Johor			Lampiran A1
2.3.2	Batu Pahat			Lampiran A2
2.3.3	Muar			Lampiran A3

2.3.4	Segamat			Lampiran A4
2.3.5	Johor Bahru			Lampiran A5
2.3.6	Kluang			Lampiran A6
2.3.7	Pontian			Lampiran A7
2.3.8	Kota Tinggi			Lampiran A8

2.3.9	Mersing			Lampiran A9
2.3.10	Kulai			Lampiran A10
2.3.11	Tangkak			Lampiran A11

2.4 Peraturan ini dikeluarkan bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim berkenaan protokol pengibaran Bendera Johor dan juga Bendera Daerah-daerah di Negeri Johor.

3. ISTILAH BENDERA DAN GEGANTUNG BENDERA.

Bendera yang dimaksudkan dalam pekeliling ini terbahagi kepada tiga (3) kategori sebagaimana dalam jadual:-

Bil	Jenis Bendera / Banner	Saiz / Dimensi
3.1	Bendera Johor	i. Bendera berukuran standard 3 kaki (9.15sm) lebar dan 6 kaki (183sm) panjang. ii. Bendera kecil berukuran 6 inci lebar dan 12 inci panjang. iii. Gegantung bendera berukuran 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar.
3.2	Jalur Gemilang	i. Bendera berukuran standard 3 kaki (9.15sm) lebar dan 6 kaki (183sm) panjang. ii. Bendera kecil berukuran 6 inci lebar dan 12 inci panjang. iii. Gegantung bendera berukuran 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar.
3.3	Bendera Daerah	i. Bendera berukuran standard 3 kaki (9.15sm) lebar dan 6 kaki (183sm) panjang. ii. Bendera kecil berukuran 6 inci lebar dan 12 inci panjang. iii. Gegantung bendera berukuran 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar.

4. HARI KEBESARAN NEGERI JOHOR.

Berikut adalah hari kebesaran Negeri Johor yang memerlukan keraian dari segi pemasangan bendera.

Bil	Hari Kebesaran Negeri
4.1	Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Johor pada 23 Mac setiap tahun.;
4.2	Hari Kebangsaan pada 31 Ogos setiap tahun.;
4.3	Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun.;
4.4	Hari Lawatan Rasmi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.;
4.5	Hari Lawatan Rasmi DYMM Raja-Raja Melayu.;
4.6	Hari Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia.;
4.7	Hari Lawatan Rasmi Ketua Negara Negara Asing.;
4.8	Hari Keberangkatan Rasmi DYMM Tuanku ke Daerah-daerah.;
4.9	Lain-lain Hari Kebesaran Yang Diperkenan oleh DYMM Tuanku.


5. PEMASANGAN BENDERA NEGERI JOHOR, BENDERA JALUR GEMILANG DAN BENDERA DAERAH DI BANGUNAN.

5.1 Arah pandangan pengibaran bendera adalah dari dalam bangunan berkenaan memandang keluar sebagaimana menjunjung titah Almarhum Sultan Iskandar pada tahun 1982.;

5.2 Susunan Bendera Mengikut Bilangan Tiang Bendera.

5.2.1 Susunan Bendera Johor Bagi Dua (2) Tiang Bendera.

- i. Susunan Bendera Johor bagi dua (2) tiang bendera adalah Bendera Negeri Johor dinaikkan mengikut Surat Pekeliling Kerajaan Johor Bil.(18) dlm SUKJ629/4-3 Jld.3 bertarikh 19.4.2010 iaitu disebelah kanan Jalur Gemilang.
- ii. Berikut adalah gambarajah aturan pengibaran Bendera Johor dan Bendera Jalur Gemilang di hadapan bangunan.




5.2.2 Susunan Bendera Johor Bagi Tiga (3) Tiang Bendera.

- i. Susunan Bendera Johor bagi tiga (3) tiang bendera adalah, Bendera Johor di tengah dan disebelah kanannya adalah Jalur Gemilang manakala di sebelah kiri Bendera Johor dikibarkan bendera daerah.
- ii. Berikut adalah gambarajah aturan pengibaran Bendera Johor, Bendera Jalur Gemilang dan Bendera Daerah.



5.2.3 Susunan Bendera Johor Bagi Empat (4) Tiang Bendera.

- i. Susunan Bendera Johor bagi empat (4) tiang bendera adalah, Bendera Johor di tengah dan disebelah kirinya adalah Jalur Gemilang. Kedua-dua Bendera Johor dan Jalur Gemilang diapit oleh bendera daerah di sebelah kanan dan di sebelah kiri dikibarkan bendera pertubuhan.



5.3 Peraturan pengibaran bendera sebagaimana Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil.2/2013 masih digunapakai sebagaimana berikut:-

- i. Tiang bendera hendaklah tidak kurang dari 20 kaki tinggi.
- ii. Tidak satu bahagian bendera boleh kena pada tanah dan pagar.;
- iii. Bendera dinaikkan dan diturunkan dengan hormat dan dikibarkan jam 6.00 pagi hingga jatuh matahari, melainkan jika ada lampu sorot.;
- iv. Bendera boleh dinaikkan terus menerus (overnight) sekiranya hari berikutan adalah sebahagian Hari Kebesaran Negeri.;
- v. Pejabat Kerajaan hendaklah mengibar dan menurunkan bendera mengikut waktu pejabat.;
- vi. Sekolah-sekolah hendaklah mengibarkan bendera mengikut waktu mulanya kelas pertama dan menurunkannya selepas kelas terakhir tamat.;
- vii. Bendera yang usang, berubah warna atau koyak hendaklah diganti baharu.


6. SUSUNAN BENDERA SEMASA HARI KEBESARAN NEGERI JOHOR.

6.1 Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Johor Dan Hari Keberangkatan Rasmi DYMM Tuanku Ke Daerah-Daerah.

6.1.1 Bendera Johor dan bendera daerah dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersil, sekolah dan kediaman sebagaimana di Perenggan 5.

6.1.2 Sekelompok empat (4) bendera kecil Bendera Johor sahaja menghiasi keliling tiang lampu elektrik di jalan protokol bersama gegantungan Bendera Johor dan diikuti pula set bendera daerah dan gegantungan bendera daerah untuk tiang berikutnya secara berselang seli.


6.1.3 Berikut adalah gambarajah susunan bendera dan gegantungan Bendera Johor serta bendera daerah dan gegantungnya di tiang-tiang lampu di jalan protokol.




6.2 Lawatan Ketua Kerajaan Luar Negara.

6.2.1 Bendera Johor dan bendera daerah dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersil, sekolah dan kediaman sebagaimana di Perenggan 5.

6.2.2 Tiga (3) bendera kecil Bendera Johor dan satu (1) bendera kecil asing yang berkaitan dipasang dalam satu kelompok empat (4) bendera tiang lampu di sepanjang laluan Ketua Kerajaan Negara Asing.;




6.2.3 Satu (1) gegantung bendera Negara Asing yang berkaitan dinaikkan selepas tiga (3) tiang lampu yang dinaikkan gegantung Bendera Johor di sepanjang laluan Ketua Kerajaan Negara Asing.;




6.3 Sambutan Hari Kebangsaan, Hari Malaysia, Lawatan Rasmi Yang Dipertuan Agong, Lawatan Rasmi DYMM Raja-Raja Melayu, Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia atau Ketua Kerajaan Negara Asing.

6.3.1 Bendera Johor dan bendera daerah dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersil, sekolah dan kediaman sebagaimana di Perenggan 6.

6.3.2 Tiga (3) bendera kecil Bendera Johor dan satu (1) bendera kecil Jalur Gemilang yang dipasang dalam satu kelompok empat (4) bendera tiang lampu di jalan protokol.;



- 6.3.3 Satu (1) gegantung bendera Jalur Gemilang dinaikkan selepas tiga (3) tiang lampu yang dinaikkan gegantung Bendera Johor di sepanjang jalan protokol.;



7. JANGKA MASA MENGIBARKAN BENDERA.


- 7.1 Semua bendera yang dinaikkan dan dikibarkan untuk menyambut Hari Pemahkotaan DYMM Tuanku, Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia dinaikkan dua (2) minggu sebelum dan diturunkan dua (2) minggu selepas tarikh sambutan tersebut.
- 7.2 Bendera yang dinaikkan bagi menyambut lawatan rasmi Yang Dipertuan Agong, DYMM Raja Melayu, Perdana Menteri Malaysia, Ketua-ketua Negara dari Luar Negara dan lawatan rasmi DYMM Tuanku ke daerah hendaklah dinaikkan tujuh (7) hari sebelum dan diturunkan tujuh (7) hari selepas tamat lawatan rasmi.
- 7.3 Bendera-bendera sebagaimana di atas sahaja dibenarkan menghiasi laluan protokol tersebut. Sebarang bentuk iklan dan/atau kain rentang tidak dibenarkan dinaikkan sepanjang jalan tersebut. Kebersihan laluan utama ini hendaklah diberi keutamaan.

8. PEMASANGAN BENDERA DAERAH DI KENDERAAN RASMI PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH NEGERI JOHOR.

- 8.1 Sebagaimana perkenan DYMM Tuanku semasa hari Pemahkotaan DYMM Tuanku, kenderaan rasmi Pegawai-pegawai Daerah Negeri Johor hendaklah dipasang bendera daerah masing-masing mengikut Hari Kebesaran Negeri Johor yang dibenarkan.
- 8.2 Berikut adalah Hari Kebesaran Negeri Johor, yang dibolehkan menggunakan Bendera Daerah dipasang di kenderaan rasmi Pegawai-pegawai Daerah Negeri Johor:-

Bil	Hari Kebesaran Negeri
8.2.1	Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Johor pada 23 Mac setiap tahun.;
8.2.2	Hari Keberangkatan Rasmi DYMM Tuanku ke Daerah-daerah.;
8.2.3	Lain-lain Hari Kebesaran Yang Diperkenan oleh DYMM Tuanku.

- 8.3 Arah pandangan pengibaran bendera kecil daerah di kenderaan rasmi Pegawai Daerah adalah dari luar kenderaan dan memandang muka hadapan kenderaan.
- 8.4 Bendera kecil daerah diletakkan dibahagian hadapan kanan kereta iaitu dibelah pemandu kereta rasmi Pegawai Daerah.




9. PEMAKAIAN

- 9.1 Dengan berkuatkuasa Pekeliling Am ini, Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 2 Tahun 2013 " Protokol Pengibaran Bendera " adalah terbatal pemakaiannya.
- 9.2 Pekeliling ini hendaklah diterima pemakaiannya oleh semua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor.

10. TARIKH KUATKUASA

- 10.1 Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta merta.



BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM)
Setiausaha Kerajaan Johor

2 Februari 2016

LAMPIRAN A1



600
120
42

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG



BENDERA JOHOR

LAMPIRAN A2

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA BATU PAHAT





LAMPUKUN A3





LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA MUAR

LAMPIRAN A4

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA SEGAMAT


LAMPIRAN A5



LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA JOHOR BAHRU

LAMPIRAN A6



LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA KLUANG




LAMPIRAN A7

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG


BENDERA PONTIAN




LAMPIRAN A8




LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA KOTA TINGGI



Ukuran Bendera Daerah Kota Tinggi




Ukuran Gegantung Daerah Kota Tinggi



LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG BENDERA MERSING


LAMPIRAN A9





UKURAN BENDERA

1. Saiz bendera lebar adalah dua kali dari saiz panjang bendera
 2. Kedudukan bulan dan bintang bendera berada di kiri bendera didalam segitiga kakisama
 3. Bentuk bintang dan rekabentuk berbucu lima
 - diameter $R1 = R2$
 4. Bucu segitiga $\frac{1}{2}$ dari bidang bendera
 - $\frac{1}{2}$ daripada bidang biru
 - $\frac{1}{2}$ daripada bidang putih
 5. Kod warna Bendera :
 - Biru = Pantone 2755c
 - Merah = Pantone 185c
- 1 = Cmyk 0

LAMPIRAN A10

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG
BENDERA KULAI

LAMPIRAN A11



Ukuran Bendera

1. Saiz bendera lebar adalah dua kali dari saiz panjang bendera.
2. Kedudukan bulan dan bintang bendera berada dibagian tengah Bendera di dalam segitiga tepat bersudut.
3. Bentuk bintang dan rekabentuk bintang bertukar lima dan berkedudukan sudut.
 $R1 = 1/2$ dari bidang MERAH (canto)
 $R2 = 1/2$ dari bidang BIRU
4. Dua garisan lurus berbentuk segi tiga tepat bersudut.
 $a = 1/2$ daripada bidang Merah
5. Kod Warna Bendera :
 i- Biru = Pantone 2755c
 ii- Merah = Pantone 185c
 iii- Putih = Cmyk 0

LUKISAN GRAFIK BENDERA DAN GEGANTUNG

BENDERA TANGKAK